Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih **satu** *jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan* **hitamkan** *ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.*

1 Apakah daya yang menyebabkan proses pertembungan plat?

A Daya sesaran
B Daya mampatan
C Daya tegangan
D Daya koriolis

2 Apakah kesan letusan gunung berapi kepada alam sekitar?

A Memusnahkan kawasan pertanian
B Menggalakkan perlombongan sulfur
C Habuk terampai berterbangan di udara
D Tasik vulkanik menggalakkan ekopelancongan

- Batu kapur
- Batu arang

3 Mengapakah batuan di atas dikategorikan sebagai batuan enapan organik?

A Mengalami pemejalan dan penyejukan magma
B Mengandungi fosil tumbuhan dan haiwan
C Mengandungi mineral yang mudah larut
D Mengalami perubahan kerana suhu dan tekanan

4 Rajah 1 berkaitan sejenis luluh hawa fizikal.



Rajah 1

Pemecahan batuan seperti dalam rajah di atas disebabkan proses

A perubahan suhu ekstrem
B penghabluran garam
C basah kering batuan
D tindakan ibun

LIVEWORKSHEETS

5 Foto 1 menunjukkan pandang darat kars di Malaysia.

Foto 1

Apakah kepentingan lokasi di atas kepada ekonomi kawasan setempat?

A Kawasan pelancongan
B Menjadi pusat keagamaan
C Menjalankan perlombongan emas
D Kawasan pertanian hawa sederhana

- Hujan lebat berterusan
- Membawa puing-puing batu, tanih dan batuan

6 Maklumat di atas dikaitkan dengan

A gelangsar tanah
B kesotan tanih
C tanah runtuh
D aliran lumpur

7 Apakah langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh di lereng bukit sepanjang lebuh raya?

I Mengadakan kempen
II Membuat sistem perparitan
III Menanam tanaman tutup bumi
IV Mewartakan kawasan hutan simpan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

8 Apakah bentuk muka bumi yang terhasil akibat tindakan hakisan sungai secara mengundur?

A Air terjun
B Likuan sungai
C Lurah bentuk 'V'
D Susuh bukit berpanoa

9 Mengapakah kualiti air sungai di kawasan bandar besar di Malaysia dikategorikan sebagai tercemar?

A Pembuangan tinja haiwan ternakan
B Aliran dan buangan sisa kilang
C Penggunaan racun serangga
D Aktiviti melombong pasir

10 Berikut adalah ciri sejenis ombak.

- Damparan lemah
- Basuhan balik kuat
- Lebih banyak menghakis

Apakah bentuk muka bumi yang dihasilkan di kawasan pinggir pantai akibat tindakan ombak di atas secara berterusan?

A Teluk
B Tombolo
C Beting pasir
D Anak tanjung

11 Peta 1 menunjukkan kawasan berpenduduk jarang.



Peta 1 : DUNIA

Mengapakah kawasan berlorek berpenduduk jarang?

A Saliran buruk
B Suhu ekstrem
C Tanah tinggi
D Hutan tebal

LIVEWORKSHEETS

12 Mengapakah kadar pertumbuhan penduduk di kawasan luar bandar lebih tinggi berbanding kawasan bandar?

I Kos hidup rendah
II Taraf pendidikan rendah
III Penularan wabak penyakit
IV Kekurangan kemudahan kesihatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Dasar Kependudukan Negara, 1983

13 Apakah matlamat yang ingin dicapai melalui dasar ini?

A Menyurangkan migrasi antarabangsa
B Meningkatkan peluang pekerjaan
C Mengukuhkan keselamatan negara
D Menampung keperluan tenaga buruh

14 Graf 1 menunjukkan piramid penduduk negara Zimbabwe, tahun 2018.



Graf 1

Apakah faktor semula jadi yang mempengaruhi bentuk piramid penduduk di atas?

A Status quo
B Wabak penyakit
C Dasar kerajaan
D Peperangan

LIVEWORKSHEETS

Mukriz telah bekerja di Kuantan dan menerima tawaran kenaikan pangkat ke cawangan induk di Kuala Lumpur

15 Apakah jenis migrasi yang dikaitkan dengan penyataan di atas?

A Bandar ke bandar
B Luar bandar ke bandar
C Bandar ke luar bandar
D Luar bandar ke luar bandar

16 Aktiviti ekonomi yang dapat dikaitkan dengan petempatan luar bandar ialah

A perniagaan pukal
B pembuatan kerepek
C pemasangan automotif
D perlombongan petroleum

17 Apakah faktor yang mempengaruhi perkembangan petempatan di kawasan Tanah Rancangan FELDA?

A Tanah pamah yang rata
B Aktiviti penanaman padi
C Kemajuan sistem saliran
D Perancangan dasar kerajaan

18 Foto 2 menunjukkan sejenis pola petempatan.

Foto 2

Apakah jenis pola petempatan tersebut?

A Pola berkelompok
B Pola berselerak
C Pola berpusat
D Pola berjajar

LIVEWORKSHEETS

19 Bagaimanakah proses urbanisasi memberikan kesan terhadap kualiti alam sekitar?

A Pertambahan kenderaan meningkatkan kesesakan lalu lintas
B Kos rumah tinggi menyebabkan wujudnya kawasan setinggan
C Pembinaan bangunan komersial mengurangkan keluasan kawasan hijau
D Peningkatan suhu menyebabkan kos hidup penduduk di bandar meningkat

20 Foto 3 menunjukkan pandang darat budaya di pusat bandar.

Foto 3

Apakah fungsi binaan di atas?

A Menggalakkan proses fotosintesis
B Mengurangkan pencemaran udara
C Menyederhanakan suhu persekitaran
D Menghalang perubahan arah tiupan angin

21 Rajah 2 menunjukkan kitaran hidrologi.



Rajah 3

Apakah proses X ?

A Respirasi
B Fotosintesis
C Kondensasi
D Sejat peluhan

LIVEWORKSHEETS

22 Rajah 3 menunjukkan amaran hujan oleh Jabatan Meteologi Malaysia.



Rajah 3

Apakah alat yang digunakan untuk mengesan keadaan cuaca bagi membolehkan amaran seperti di atas dikeluarkan?

A Satelit
B Tolok hujan
C Tipping Bucket
D Weighing precipitation

23 Apakah kaedah yang dapat digunakan untuk mengurangkan kesan banjir dan kemarau?

A Empangan
B Telaga tiub
C Pembenihan awan
D Terowong SMART

- Sejuk sederhana kebenuaan
- Aktiviti pembalakan pada musim sejuk

24 Kawasan bertanda manakah dalam Peta 2 merujuk kepada maklumat di atas?



Peta 2 : DUNIA

LIVEWORKSHEETS

25 Maklumat di bawah menerangkan ciri-ciri iklim **X** dan **Y**.

Iklim **X**	Iklim **Y**
• Keudukan antara 45°U hingga 65°U • Musim sejuk 4°C, Musim panas 17°C • Empat musim yang nyata	• Kedudukan antara 10°U hingga 10°S • Suhu tahunan 27°C • Panas dan lembap sepanjang tahun

Kombinasi manakah benar bagi mewakili ciri-ciri iklim di atas?

	Iklim **X**	Iklim **Y**
A	Savana	Monsun Tropika
B	Tundra	Panas Sederhana Kebenuaan
C	Sejuk Sederhana Kebenuaan	Gurun panas
D	Sejuk Sederhana Pantai Barat	Khatulistiwa

- Daun berbentuk jarum
- Kulit pokok tebal
- Batang berongga

26 Penyataan di atas merujuk kepada tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di kawasan iklim

A Tundra
B Gurun panas
C Monsun Tropika
D Padang rumput steppe

27 Apakah kepentingan hidupan liar kepada keseimbangan ekosistem hutan?

I Pengeluar
II Sumber tenaga
III Sumber nutrien
IV Penyebar biji benih

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

28 Apakah kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi kepada sumber air dalam ekosistem hutan hujan tropika?

A Membekalkan nutrien
B Membekalkan oksigen
C Menjadi kawasan tadahan
D Melindungi tanah daripada hakisan

29 Apakah kesan pembinaan empangan terhadap alam sekitar?

A Jumlah bekalan air semakin meningkat
B Pembiakan ikan air tawar meningkat
C Habitat fauna semakin terancam
D Kejadian banjir semakin kerap

30 Bagaimanakah usaha pemuliharaan hidupan liar dapat dilakukan?

I Mewujudkan pusat konservasi
II Menguatkuasa undang-undang
III Mewartakan kawasan taman negara
IV Memindahkan haiwan ke habitat baharu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

31 Antara berikut, pasangan manakah yang benar berkenaan negara dan sumber tenaga yang digunakan?

	Negara	Sumber tenaga
A	Filipina	Biomass
B	Iceland	Tenaga suria
C	China	Geoterma
D	Belanda	Hidroelektrik

32 Mengapakah penggunaan tenaga boleh baharu semakin meningkat?

A Penemuan mineral baharu
B Bahan asas industri petrokimia
C Sumber bahan api kenderaan
D Murah dan menjimatkan kos

LIVEWORKSHEETS